

Bajet pertahanan tidak cetus perlumbaan senjata: Najib

Oleh Zainudin Isa

PEKAN: Peruntukan RM8.5 bilion yang diperolehi Kementerian Pertahanan melalui Bajet 2004 bukan melambangkan Malaysia ingin bersaing atau mencetuskan satu perlumbaan senjata di kalangan negara di rantau ini.

Menterinya, Datuk Seri Najib Razak, berkata ini kerana peruntukan terbesar dalam bajet yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin diperolehi Kementerian Pendidikan.

Katanya, daripada RM8.5 bilion yang diterima kementerianya, RM6.5 bilion diperuntukkan untuk belanja mengurus, manakala baki, RM2 bilion untuk belanja pembangunan.

Malah, katanya, peruntukan berkenaan akan digunakan untuk menjelaskan bayaran kemajuan terhadap beberapa aset, termasuk yang terbaru, pembelian pesawat pejuang buatan Russia, Sukhoi SU-30MKM.

"Ini kerana sesuatu aset yang kita beli menjangkau antara lima hingga tujuh tahun dari segi tempoh pembayarannya.

"Jadi, bajet tahun depan lebih dilihat sebagai tanggungjawab kita bagi menjelaskan 'progress payment' terhadap aset yang kita beli, tapi belum lagi sampai ke Malaysia, seperti kapal selam, kereta kebal dan pesawat Sukhoi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan

majlis penutup Program Pelajar Cemerlang, Keluarga Gemilang, di Sekolah Menengah Seri Pekan, di sini, semalam.

Program motivasi pelajar dan ibu bapa serta bengkel menjawab soalan kepada bakal calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) itu adalah anjuran bersama Yayasan Rahmah dan Yayasan Amal Inti.

Najib berkata, semua bajet berkenaan akan dibelanjakan secara seimbang antara tiga cabang perkhidmatan dalam angkatan tentera iaitu laut, udara dan darat.

Sementara itu, mengulas dakwaan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa Bajet 2004 berbentuk bajet pilihan raya, Najib berkata, menjadi tabiat Pas mengkritik apa saja yang dilakukan kerajaan, meskipun perkara itu untuk kebaikan semua lapisan rakyat.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno berkata, Pas cuba mengaitkan bajet itu sebagai sumbangan kerajaan bagi memancing undi rakyat, sedangkan Pas sendiri tidak pernah menunaikan janjinya setiap kali menjelang pilihan raya.

"Mereka akan mencetus apa saja yang kita lakukan, sedangkan Pas sering buat janji sebelum pilihan raya, tapi janji yang tak munasabah. Jadi, sebenarnya Pas yang cuba mengunpakan pengundi," katanya.

Katanya, berbeza dengan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) dalam setiap bajet, kerajaan cuba sedaya upaya memenuhi tuntutan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah, kakitangan kerajaan dan pesara.



NAJIB (tengah) bersalaman dengan ibu bapa pelajar selepas merasmikan penutupan program Pelajar Cemerlang, Keluarga Gemilang, semalam. - Gambar oleh Azmaidi Abidin

"Bajet yang kita buat ini adalah maklum balas daripada orang ramai. Mereka buat tuntutan dan sebagai kerajaan yang dipilih rakyat, kita rasa bertanggungjawab untuk menimbangkan seberapa yang boleh," katanya.

Kepada soalan bahawa Abdul Hadi diisytihar mengetahui kabinet pilihan raya parti itu dalam Mukhtar Ke-40 parti itu kelmarin, Najib berkata, ia adalah satu lagi kenya-

taan politik Pas sedangkan orang ramai, khususnya pengundi masih sangsi dengan kebolehan pembangkang mentadbir negara.

Katanya, umum mengetahui dasar Pas tidak mungkin membawa kejayaan kepada negara kerana ia sering bercanggah dan tidak konsisten.

"Umpamanya, dasar mereka terhadap wanita menunjukkan mereka mencengkam potensi golongan itu di negara ini.

"Keduanya, mereka masih mengelirukan rakyat dengan konsep sekularisme sedangkan dalam Islam tidak ada konsep sekularisme. Itu adalah konsep yang kuat di Eropah pada zaman dulu.

"Selain itu, kita lihat dasar Pas juga bercanggah pada peringkat negeri dan nasional kerana mereka masih cuba bermain mata (menjalin hubungan) dengan DAP," katanya.